

# Siswazah mahu bantu bapa lumpuh

um 3/9/07

BATU PAHAT 2 Sept. - Semangat ingin mengubah nasib keluarga dan membantu menyembuhkan bapa yang sakit mendorong Aliff Ab. Tahir, 25, belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya menggenggam segulung ijazah.

Dengan kesedaran untuk menjadi cemerlang dalam keluarga, pemegang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional ini mendapat restu dan sokongan kuat daripada kedua ibu bapanya.

Anak bongsu daripada empat beradik berasal dari Segamat ini dan kini telah pun mengajar di Politeknik Kuching Sarawak berharap, dia mampu menyara dan memastikan bapanya yang diserang angin ahmar

mendapat rawatan terbaik.

Menurut Aliff, bapanya Ab. Tahir Alang, 71, merupakan bekas renjer perhutanan dan mengalami lumpuh sebelah badan sejak setahun yang lalu kerana diserang ahmar.

Tambahnya, walaupun dia kini terpaksa berpisah dengan keluarga kerana akan mengajar di Kuching Sarawak, Rabu ini, dia berjanji akan memberi perhatian dan sara hidup untuk kedua ibu bapanya.


"Saya ingin melihat ayah saya sembuh macam dahulu dan saya akan sentiasa memberi segala apa yang diperlukan," katanya ketika ditemui selepas Majlis Konvoquesyen Ke-6 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini hari ini.

Ab. Tahir yang ditemui melahirkan rasa syukur kerana hanya Aliff yang berjaya belajar sehingga ke peringkat universiti dan merupakan anak yang baik serta bertanggungjawab.

Ibunya Efah Omar, 65, turut bera-sa teruja dengan pencapaian anaknya itu dan berharap agar anaknya akan dapat membantu keluarga pada masa akan datang.

"Kesungguhan dalam pelajaran memang telah ada sejak di sekolah rendah lagi dan dia berjaya menjadi seperti apa yang diimpikan," jelasnya.

Kata beliau, walaupun suaminya lumpuh sebelah badan dan terpaksa menggunakan kerusi roda, mereka tetap hadir memberi sokongan kepada anaknya.



ALIFF Ab. Tahir menunjukkan ijazah yang diterima kepada bapa serta ibunya, Abdul Tahir dan Ipah Omar pada Majlis Konvoquesyen UTHM ke-6 di Batu Pahat, semalam.